

Rantaian kejayaan insan



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton mohamad@yahoo.com

UB 3.7.13 B4
TERDAPAT satu proses semulajadi yang menerusinya berlaku kegagalan atau kejayaan dalam menguruskan atau mengawal kehidupan kita. Proses ini terdiri daripada beberapa langkah bersiri. Jika kita menyedari apa langkah-langkahnya, kita boleh meningkatkan peluang kita dan mempercepat kemaraan kita.

Jika kita tidak menyedari apa yang menyebabkan kejayaan kita atau menggagalkannya, akhirnya kita akan bergantung kepada kemungkinan semata-mata. Kehidupan bukan tentang nasib atau tuah. Kita tidak akan memperjudikan hidup kita.

Jika kita menyerahkan hidup

kita kepada kemungkinan, kemungkinannya ialah kita akan gagal. Ini kerana, kejayaan dalam pengurusan diri adalah selalunya hasil daripada sesuatu yang lain, sesuatu yang membawanya ke arah matlamat tersebut.

Kini kita tahu bahawa ada masa-masanya ia kelihatan seperti sesuatu yang baik berlaku secara kebetulan, tetapi ada mereka yang mempersoalkan bahawa tidak ada sesuatu yang berlaku secara kebetulan, yakni apa-apa yang berlaku dalam kehidupan kita berlaku kerana kita mencipta secara mental untuk ia berlaku. Kebanyakan daripada apa yang berlaku kepada anda, berlaku disebabkan oleh anda; sesuatu yang anda cipta, arahkan, pengaruhi, atau benarkan ia langkah utama yang memastikan secara langsung

dalam mengawal kejayaan atau kegagalan ialah tingkah laku, iaitu apa yang kita buat atau tidak buat. Tingkah laku bermaksud tindak tanduk kita, bagaimana kita bertindak, apa yang kita buat, setiap saat dalam setiap hari akan memastikan samada kita berjaya atau tidak pada saat itu atau hari itu, dalam apa sahaja yang kita lakukan. Tingkah laku merupakan manifestasi ke atas apa yang bermain diminda samada secara sedar atau tidak sedar.

Perasaan merupakan cerminan daripada pemikiran secara rasional mahupun tidak rasional kerana setiap yang difikiran samada negatif mahupun positif akan ditapis terlebih dahulu. Bagaimana kita berasa tentang sesuatu akan selalu menentukan atau mempengaruhi tindakan kita. Tetapi apakah yang

menyebabkan anda memiliki perasaan yang membentuk sebahagian besar daripada diri anda? Sudah tentu sikap anda sendiri. Jika anda perhatikan dengan lebih mendalam, anda akan mendapat kebanyakan kita mempunyai kombinasi sikap, separuh baik dan separuh lagi tidak begitu baik.

Sememangnya perkara tersebut adalah lumrah dalam Namun sikap tidak akan terbentuk secara kebetulan kerana ia dibentuk, dididik, di kawal dan dipengaruhi oleh kepercayaan. Kepercayaan akan menentukan sikap kita tentang sesuatu perkara, lantas kepercayaan ini membentuk perasaan dalam bentuk emosi. Lantaran itu apabila wujud keselarasan antara kepercayaan dan emosi akan memberikan ruang kepada gerak kerja yang memberikan kesempurnaan.

Adakah anda mengetahui bahawa kepercayaan yang kita ada tentang sesuatu sungguh kuat sehingga ia boleh menyebabkan sesuatu kelihatan hebat. Walau bagaimanapun kepercayaan ini tidak datang bergolek dengan sendiri kerana ia juga perlu diprogramkan untuk membentuk kepercayaan yang hebat. Sebagai seorang yang beragama Islam sudah tentu ajaran-ajaran tentang agama Islam semenjak di dalam rahim ibu merupakan pemprograman yang paling berkesan dalam membentuk kepercayaan yang merupakan akidah yang perlu dipertahankan.

Kaedah tersebut merupakan satu program yang hebat yang tidak boleh dipertikaikan kerana kehadiran anak yang soleh mahupun solehah bermula dari rahim yang mentaati perintah

Allah. Justeru itu kehebatan pemprograman tersebut dimenifestasikan melalui sikap yan taat kepada agama Allah dan bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang khalifah di muka bumi ini. Dengan adanya sikap sebegitu maka akan terzahirnya perasaan yang saling sayang menyayangi, hormat menghormati di antara satu sama lain malah tidak akan sanggup menyakiti sesama makhluk Allah.

Perasaan yang positif tersebut merupakan suatu perkara yang indah dan memberikan implikasi yang positif sekiranya pemprogramannya tepat dan sesuai. Maka dengan adanya perasaan yang positif sudah tentu tingkah laku yang selari juga akan menyusul iaitu tingkah laku yang membina dan memberikan kebaikan kepada insan sejagat.